



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERKEMBANGAN TEORI DAN PENDEKATAN KRITIKAN
DALAM KESUSASTERAAN MELAYU
DEKAD 80-AN - 90-AN**

SHOKERI HASSAN

FBMK 2003 15

**PERKEMBANGAN TEORI DAN PENDEKATAN KRITIKAN
DALAM KESUSASTERAAN MELAYU
DEKAD 80-AN – 90-AN**

**OLEH
SHOKERI HASSAN**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah
Master Sastera**

November 2003



DEDIKASI

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang menghulurkan bantuan hingga terhasilnya tesis ini. Khusus buat isteriku

Nafsiah Binti Hassan

dan

putera-puteriku yang dikasihi

Mohammad Naim Shuwadi
Mohammad Hafiz Shuwadi
Siti Zulaikha Hafizah
Mohammad Firdaus Shuwadi
Mohammad Hakimi Shuwadi

Dan

Al fatihah untuk allahyarhamah bondaku
yang tak sempat mengecapi kejayaan ini.

Kita telah berusaha biarpun usaha ini mungkin sia-sia. Kupanjangkan doa
semoga kalian sentiasa diberkati Allah
Amin...

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PERKEMBANGAN TEORI DAN PENDEKATAN
KRITIKAN DALAM KESUSTERAAN MELAYU
DEKAD 80-AN - 90-AN**

Oleh

Shokeri bin Hassan

November 2003

Pengerusi : Mohd. Kasim Bin Ismail

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini merupakan satu tinjauan terhadap esei kritikan sastera Melayu sepanjang dekad 80-an hingga 90-an. Tujuan utamanya untuk mengenal pasti kuantiti, kualiti, genre, pengkritik dan pendekatan yang digunakan sepanjang kedua-dua dekad tersebut.

Semua esei kritikan yang dipilih telah dianalisis berdasarkan kaedah kuantitati dan kualitatif. Analisis kualitatif dibahagikan kepada tiga aspek iaitu berdasarkan penggunaan genre, pendekatan dan pengkritik yang terlibat bagi kedua-dua dekad berkenaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa genre novel paling mendapat tempat dalam kedua-dua dekad tersebut; diikuti oleh puisi dan cerpen dengan jumlah yang hampir sama; paling sedikit ialah genre drama. Pendekatan formalistik, telah mendominasi esei kritikan dalam kedua-dua dekad berkenaan.

Namun begitu, dari segi kualiti didapati lebih krang 9% sahaja dari esei kritikan yang dihasilkan dalam kedua-dua dekad berkenaan dianggap menepati ciri, tugas dan fungsi kritikan. Esei-esei tersebut dihasilkan oleh beberapa orang tokoh pengkritik seperti Umar Junus, Rahman Shaari, Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Mana Sikana dan Ramli Isin bagi dekad 80-an; manakala tokoh dekad 90-an pula terdiri daripada Othman Puteh, Rahman Shaari, Rosnah Baharuddin, Ramli Isin, Ungku Maimunah Mohd Tahir, Sohaimi Abdul Aziz dan Lutfi Abas.

Perkara paling menarik yang berlaku dalam dekad 90-an ialah percubaan memperkembang penggunaan teori dan pendekatan seperti estetika, intertek, semiotik dan kelahiran teori tempatan seperti takmilah, teksdealisme, dan pengkaedahan Melayu telah mula memperlihatkan bibit-bibit perkembangannya dalam sastera Melayu dekad 90-an.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Literature Arts

**DEVELOPMENT OF THEORY AND APPROACHES
CRITIQUES OF MALAY LITERATURE
OF THE 80s TO THE 90s DECADES**

By

SHOKERI BIN HASSAN

November 2003

Chairman: Mohd. Kasim Bin Ismail

Faculty: Modern Languages And Communication

This study is a survey of critiques or essays on critical appreciation of Malay literary works throughout the 80s and 90s decades. The main objective of this study was to identify the quantity, quality, genre, critics and approaches used throughout the two decades.

All critic selected were analysed based on the quantitative and qualitative methods. The qualitative analysis was carried out based on three aspects, namely, use of genres, approaches and critics involved during both decades. The findings of the study revealed that the novel genre was the most popular throughout both decades, followed by equally popular poetry and short stories; the least popular was the drama genre while formalistic approaches dominated critical appreciation throughout both decades.

In spite of that, in terms of quality, it was found that only 9% of the critiques written within both decades were considered to have met the characteristics, tasks and functions of critical appreciation. The critiques were written by renowned master critics such as Umar Junus, Rahman Shaari, Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Mana Sikana and Ramli Isin during the 80s decade while the critics of the 90s decade, also celebrated in their own rights, consisted of Othman Puteh, Rahman Shaari, Rosnah Baharuddin, Ramli Isin, Ungku Maimunah Mohd Tahir, Sohaimi Abdul Aziz and Lutfi Abas.

The most interesting significance of the 90s decade was the attempt to develop the usage of theories and approaches such as esthetics, inter-texts, and semiotics which were initially propagated by local scholars, in the midst of their anxiety over theoretical inadequacy and western approaches, in overcoming problems faced by Malay literature due to differences of cultural values.

Penghargaan

Syukur ke hadrat Ilahi kerana mengurniakan hidayah dan kekuatan untuk menyiapkan tesis ini; tanpa-Nya siapalah kita.

Seuntai kata ini ditujukan khusus kepada individu dan pertubuhan yang telah bertungkus lumus bantuan dan kerjasama sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Pertama, kepada pengerusi penyeliaan tesis ini iaitu Encik Mohd Kasim Ismail kerana sanggup meluangkan masa memberi tunjuk ajar, bimbingan dan teguran sehingga tesis ini disempurnakan. Tidak lupa juga setinggi penghargaan kepada Dr. Ramli @ Sahari Isin dan Encik Kamaruzzaman A. Kadir yang telah turut menyumbangkan tenaga, pemikiran, cadangan-cadangan bernas dan segala kerjasama bagi menyempurnakan tesis ini.

Kedua, kepada semua kakitangan dan pegawai Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor khususnya Perpustakaan Cawangan Banting, Kuala Langat dan Perpustakaan Cawangan Kajang, Hulu Langat yang meminjamkan buku, majalah, risalah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini.

Ketiga, penghargaan setinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri, adik, putera-putera dan puteriku yang dikasihi yang banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk menjayakan kajian ini. Keperihatinan kalian akan dikenang sepanjang hayat.

Akhir kata, diucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak atas sumbangan dan pengorbanan yang dihulurkan bagi menyiapkan kajian ini.

Sekian, Terima Kasih.

SHOKERI BIN HASSAN.
Dengkil / Sepang,
Selangor Darulehsan.

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Jadual 1A : Esei Kritikan Sastera Tahun 1980-1989 .../	41
2. Jadual 1B : Esei Kritikan Sastera Tahun 1990-1999 .../	41
3. Jadual 2A : Pendekatan dalam Esei Kritikan Sastera Tahun 1980-1989/	43
4. Jadual 2B : Pendekatan dalam Esei Kritikan Tahun 1990-1999/	43
5. Jadual 3A : Pengkritik dan Pendekatan Tahun 1980-1989/	45
6. Jadual 3B : Pengkritik dan Pendekatan Tahun 1990-1999/	45

ISI KANDUNGAN

	Halaman
DIDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRAC	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xi
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Latar Sejarah Kritikan	1
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	9
Kepentingan Kajian	9
Batasan Kajian	11
Definisi Konsep	12
kritikan sastera	12
Fungsi kritikan Sastera	15
Kriteria Kritikan	17
II SOROTAN KAJIAN BERKAITAN	20
Pengenalan	20
Kajian-kajian Lalu	20
Kesimpulan	30
III METODOLOGI KAJIAN	35
Pengenalan	35
Kaedah Kajian	35
Bahan Kajian	
Pendekatan Kajian	
Analisis Kuantitatif	35
Analisis Kualitatif	37
Kesimpulan	39

IV	DAPATAN KAJIAN	41
	Pengenalan	41
	Analisis Kuantitatif	41
	Analisis Kualitatif	48
	Kritikan Formalistik	49
	Kritikan Semiotik	71
	Kritikan Sosologi	72
	Kritikan Estetika	73
	Kritikan Psikologi	76
	Kritikan Stilistik	77
	Kritikan Intertekstualiti	79
	Kritikan Tempatan	84
	Kritikan Takmilah	85
	Kritikan Teksdeakisme	86
V	KESIMPULAN	89
	BIBLIOGRAFI	103
	LAMPIRAN 1:	
	SENARAI ESEI KRITIKAN DEKAD 80-AN	111
	LAMPIRAN 2:	
	SENARAI ESEI KRITIKAN DEKAD 90-AN	118
	BIODATA PENULIS	129

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Dalam pengajian kesusasteraan terdapat tiga disiplin ilmu yang saling berkaitan peranannya, iaitu teori, sejarah dan kritikan. Teori ialah bidang ilmu yang menjadi asas untuk menghasilkan kerja-kerja kritikan; sejarah merupakan wadah yang memberi gambaran tentang perkembangan dan kemajuan kesusasteraan sesuatu bangsa; dan kritikan adalah aktiviti untuk mengkaji dan menilai hasil-hasil kesusasteraan. Hasil kritikan dan kajian kesusasteraan yang berkesan dapat meningkatkan kualiti kepengarangan dan apresiasi kesusasteraan (Rene Wellek dan Austin Warren, 1976: 27).

Latar Sejarah Kritikan

Tradisi kritikan sastera sebenarnya bermula di Barat, iaitu sejak zaman keagongan tamadun Greek dan Yunani, di persekitaran tahun 500 SM. Semenjak itu dunia kritikan sastera di Barat telah berkembang dengan pesat, hingga berjaya menghasilkan pelbagai teori, dan aliran yang menjadi dasar kritikan sastera hingga mempengaruhi corak dan kegiatan kritikan di banyak negara termasuk Malaysia. Bagaimanapun, sejarah perkembangan tradisi kritikan moden di Malaysia masih baru dan agak

perlahan kerana tidak mempunyai akar tradisi kukuh seperti di Barat (Hashim Awang, 1988: 102).

Mengikut Hashim Awang (1988: 104) perkembangan kritikan moden di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu sebelum perang (1930-1941), sebelum kemerdekaan (1942-1957) dan selepas merdeka (1960 hingga kini). Tradisi kritikan sastera sebelum perang berkait rapat dengan perkembangan penciptaan cerpen yang mendapat tempat di kalangan penerbit akhbar dan majalah ketika itu. Namun, pada peringkat ini, kegiatan kritikan sastera hanya berlaku secara kecil-kecilan dan tidak mempunyai nilai dan kedudukan yang tinggi khususnya di kalangan penerbit-penerbit akhbar dan majalah ketika itu.

Tulisan-tulisan yang dianggap bersifat kritikan ketika itu, termasuklah tulisan Keris Melayu yang mengupas beberapa buah karya terkenal seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Abdullah* dan *Hikayat Pelayaran Abdullah*. Berkaitan isi *Sejarah Melayu*, pengkritik Keris Melayu mengakui terdapat unsur-unsur dongengan dalam karya tersebut, namun tingkah laku raja-raja Melayu, kepahlawanan serta kesetiaan Hang Tuah dan kebijaksanaan Tun Perak seharusnya dicontohi oleh orang-orang Melayu. Dalam menyentuh gaya bahasa *Sejarah Melayu*, Keris Melayu telah mengangkatnya sebagai bahasa Melayu jati, indah, jelas dan menarik sehingga Tun Seri Lanang tidak dapat ditandingi oleh penulis-penulis sezamannya, khususnya dalam bentuk puisi. Dalam membicarakan sikap dan pendirian Munsyi Abdullah, Keris Melayu memihak kepadanya dengan

menyifatkan Munsyi Abdullah sebagai orang Melayu yang berjiwa halus serta lantang menyuarakan kebenaran. Walaupun tulisan keris Melayu dianggap kurang bermutu kerana persoalan teknik telah diabaikan, namun tulisan ini diakui dapat mencetus minat dan perhatian masyarakat kepada kesusasteraan Melayu (Hashim Awang, 1984:9).

Selepas tulisan ini, muncul beberapa buah tulisan susulan sama ada menentang atau menyokong Keris Melayu. Antaranya tulisan Anak Negeri (Mohd. Yusof Ahmad) yang berjudul "Kita dengan Munsyi Abdullah" telah disiarkan dalam majalah *Majlis* pada 22 Ogos 1935. Dalam ulasannya, Anak Negeri telah membidas Munsyi Abdullah yang dianggap berfikir sempit kerana menulis tentang keburukan orang-orang Melayu semata-mata. Anak Negeri menuduh gambaran yang dilukiskan juga telah menyimpang daripada kenyataan sebenar sehingga menjejaskan imej orang-orang Melayu. Umpamanya tentang keadaan negeri Kelantan yang mundur dan huru-hara. Abdullah telah menyembunyikan kenyataan bahawa kemunduran yang telah berlaku itu adalah kesan daripada perang saudara yang baru selesai di Kelantan.

Selain tulisan Anak Negeri, dihasilkan pula tulisan dan ulasan Kabhaa juga dalam majalah *Majlis* pada 2 September 1935 bertajuk "Anak Negeri dengan Munsyi Abdullah" yang memberi pandangan pro dan kontra terhadap Munsyi Abdullah. Hakikatnya Kabhaa tidak bersetuju dengan kecaman dan kritikan Munsyi Abdullah tetapi turut mengkagumi sikap lurus dan berani Munsyi Abdullah khususnya kecaman terhadap kekejaman dan

penganiayaan yang dilakukan oleh raja-raja, pembesar Melayu, Belanda dan Inggeris. Walau bagaimanapun, Hashim Awang (ibid: 3) berpendapat, kritikan sastera dalam pengertian moden hanya bermula kira-kira dalam dekad 50-an yang dipelopori oleh sasterawan Angkatan 50. Kegiatan ini ditunjangi oleh tulisan Aminuddin Baki bertajuk "Pandangan Seorang Penuntut Tinggi Kita Tentang Sebuah Buku Melayu" yang disiarkan dalam *Utusan Zaman* keluaran 12 Jun 1949. Tulisan ini membicarakan novel *Kurban Kesucian*, ciptaan Keris Mas pada tahun 1949. Tulisan ini menarik perhatian kerana ulasan dan pandangan Aminuddin Baki merangkumi dua unsur utama iaitu isi dan teknik. Walaupun tulisan ini tidak mendalam tetapi daya kritiknya yang kritis telah menjadi penanda kepada kritikan moden dan membawa banyak manfaat. Selain itu, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (1979: 3) turut mengakui tulisan Aminuddin Baki sebagai perintis kepada perkembangan kritikan moden.

Menjelang tahun 1939, terdapat perkembangan terbaru dalam bidang kritikan sastera Melayu di Malaysia kerana kemunculan majalah *Cerita* di Pulau Pinang yang menyiarkan tulisan kritikan dalam bentuk baru yang lebih ringkas. Majalah ini mula diterbitkan pada 1 November 1938 di bawah pimpinan Mohd. Ariffin Ishak dan Aminah Jalal (Mohamad Mokhtar Bin Hassan, 1995: 8). Kebanyakan tulisan dan ulasan yang disiarkan dalam majalah *Cerita* dari bulan November 1938 hingga Januari 1941 berkaitan dengan genre cerpen. Kesannya, kritikan terhadap genre cerpen ini semakin meluas dan rancak disiarkan dalam akhbar seperti *Utusan Zaman* dan *Warta Ahad*.

Pada peringkat permulaannya, corak kritikan di Malaysia pada dekad 30-an dikatakan banyak yang bersifat kecaman dan hentaman pada penulis-penulis baru seperti tulisan kritikan tentang cerpen Shamsuddin Salleh bertajuk "*Cermin Pergaulan Hidup Di Dunia,*" yang mengisahkan tentang hal ehwal perkembangan Maktab Perguruan Sultan Idris dan penghuninya yang tidak berkembang kerana ilmunya terbatas. Dalam tulisan yang dihasilkan oleh Ngumba, Umang-U mang Tangkak dan Lebai Ketayap, Shamsuddin Salleh telah diserang bukan sahaja oleh penulis-penulis yang bersifat semberono malah rencana pengarang *Utusan Zaman* turut memaksa Shamsuddin Salleh memohon maaf secara terbuka pada 29 Jun 1940. (Mana Sikana, 1985: 168)

Perkembangan kritikan pada zaman ASAS 50 telah memperlihatkan munculnya beberapa tokoh pengkritik yang serius di kalangan penulis-penulis dan pengiat seni Angkatan 50 seperti Asraf, Hamzah Hussien , Usman Awang, Awam Al-Sarkam, dan Keris Mas. Bagaimanapun tulisan-tulisan kritikan yang dihasilkan Asraf telah menyerlahkan slogan "Seni Untuk Masyarakat", sementara Hamzah dengan slogan "Seni Untuk Seni." (Rahman Shaari, 1994: Viii). Pada zaman ASAS 50 ini antara media utama yang menampung tulisan kritikan ketika itu ialah *Utusan Zaman*, *Hiburan*, *Mastika*, dan *Mingguan Melayu*

Kegiatan kritikan sastera di Malaysia, terus berkembang pada dekad 60-an dan 70-an Hal ini dapat dilihat daripada bertambahnya bilangan pengkritik, kerencaman pendekatan dan ketelitian penulisannya.

Walaupun pertumbuhan dan perkembangannya agak perlahan tetapi mampu memperlihatkan tanda-tanda positif ke arah mencapai kemajuan kerana pengkritik dekad 60-an dan 70-an bukan sahaja terdiri daripada golongan yang menguasai penulisan kreatif imaginatif tetapi merangkumi pelbagai golongan yang mempunyai kerencaman latar belakang, pendidikan, kerjaya, ilmu dan pengalaman . (Hashim Awang, 1977: 107).

Secara umumnya, golongan pengkritik dekad 60-an dan 70-an terdiri daripada dua golongan, iaitu golongan yang mendapat pendidikan formal dalam pengajian kesusasteraan khususnya dalam bidang kritikan sehingga ke peringkat universiti dan golongan yang terdiri daripada peminat-peminat kesusasteraan. Golongan kedua ini, kebanyakannya terdiri daripada pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah yang telah mempelajari kritikan sastera menerusi pembacaan dan pengalaman ketika melaksanakan tugas harian seperti pendidik, wartawan atau editor di akhbar-akhbar dan majalah tempatan. (Mana Sikana, 1983: 8)

Kemunculan kedua-dua golongan ini telah mewujudkan perbezaan yang ketara terutamanya dari segi sikap, nada pengucapan, pemikiran, pandangan dan corak kritikan yang dihasilkan, sekurang-kurangnya dari segi matlamat, bentuk, wadah dan pembacaan (Hashim Awang, op.cit: 108). Antara tokoh pengkritik dekad 60-an ialah Kassim Ahmad, Yahaya Ismail, Noor Azam, Baharuddin Zainal, Alis Murni (Ali Ahmad) dan Mohd. Affandi Hassan. Manakala pengkritik yang muncul dalam dekad 70-an pula terdiri daripada Hashim Awang, Umar Junus, Ramli Isin, Shahnnon Ahmad,

Mana Sikana, Ilias Zaidi, Abdul Rahman Yusuf dan Mohd. Yusuf Hassan (Rahman Shaari, 1994: ix). Kemunculan mereka telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan bidang kritikan tanah air. Perkembangan kritikan dekad 60-an dan 70-an, dapat dilihat dari segi bilangan tulisan, kemunculan tokoh-tokoh muda serta penggunaan teori atau pendekatan yang menjadi dasar kritikan dan kajian mereka seperti formalistik, sosiologi, struktural, psikologi, agama dan moral (Mohd.Kasim Ismail,1980; Rahman Shaari, 1987).

Penyataan Masalah

Melihat kepada perkembangan bidang kritikan sastera Melayu di Malaysia khususnya selepas merdeka, terdapat tiga perkara yang menarik untuk diperhatikan. Pertama, dari segi bilangan tulisan yang dihasilkan; kedua, penglibatan golongan intelektual sebagai pengkritik; dan ketiga, munculnya teori atau pendekatan-pendekatan yang menjadi dasar kritikan. Kewujudan pengkritik dekad 60-an hingga 70-an, dapat dikelompokkan mengikut kecenderungan, pegangan dan identiti masing-masing khususnya dalam penggunaan teori atau pendekatan serta genre, umpamanya Hashim Awang, Umar Junus, Yahya Ismail, Baha Zain, dan Ramli Isin sebagai pengkritik formalistik; Kassim Ahmad dan Pena Patriot sebagai pengkritik sosiologi, dan Ali Ahmad sebagai pengkritik struktural. Pengelompokan ini adalah berdasarkan kepada pegangan atau anutan aliran dalam kesusasteraan.

Bagaimanakah pula dengan perkembangan esei kritikan pada dekad 80-an dan 90-an? Mengikut Engku Maimunah Mohd.Tahir dalam sebuah tulisan (*Dewan Sastera*, Julai 1988: 34-37) masalah dalam bidang kritikan kesusasteraan Melayu ialah sebahagian besar esei kritiknya terus dan masih didominasi oleh kritikan teks. Bertolak dari peremis ini, beberapa persoalan telah timbul khususnya dalam konteks untuk melihat kedudukan kritikan sastera dalam tempoh 1980 hingga 1999. Pertama, sejauh manakah benarnya pernyataan yang mengatakan bahawa sebahagian besar esei kritikan dalam kesusasteraan Melayu masih berorientasikan teks? Kedua, sejauh mana pentingnya teori-teori baru dari barat dalam kritikan sastera Melayu sepanjang dekad 80-an dan 90-an? Ketiga, bagaimanakah kedudukan teori-teori tempatan dalam usaha memberi bentuk dan warna kepada kegiatan kritikan sastera Melayu yang berorientasikan nilai-nilai tempatan? Keempat, siapakah tokoh-tokoh penting dalam kritikan sastera Melayu, dan bagaimanakah sumbangan mereka dalam bidang kritikan novel, cerpen, puisi, dan drama? Kelima, dari segi kualiti, adakah kritikan sastera telah berjaya menghasilkan kepelbagaian kaedah pentafsiran dan penilaian karya kesusasteraan?

Bertolak daripada permasalahan yang dinyatakan di atas, satu kajian yang menyeluruh perlu dihasilkan untuk mencari jawapan kepada permasalahan tersebut. Sehubungan itu, bagi membuktikan sejauhmana kebenaran dakwaan-dakwaan tersebut, satu perangkaan yang jelas perlu ditunjukkan bagi membuktikan dan menyokong kebenaran kesimpulan yang berkaitan dengan persoalan di atas, agar jelas dan sempurna.

Objektif kajian

Hasil daripada kajian ini pengkaji berharap dapat mengemukakan beberapa dapatan berdasarkan objektif yang berikut. Pertama, dapat mengenal pasti kualiti esei kritikan berdasarkan sesuatu teori atau pendekatan; kedua, mengenal pasti kritikan berdasarkan genre, iaitu novel, cerpen, puisi, dan drama. Ketiga, mengenal pasti tokoh-tokoh pengkritik dan kualiti kritikan mereka; dan keempat, mengenal pasti perkembangan dan kemajuan tentang penggunaan sesuatu teori atau pendekatan tempatan.

Kepentingan kajian

Kajian ini penting bagi mendapatkan gambaran tentang perkembangan dan kemajuan bidang kritikan sastera sebagai satu ciri kesinambungan intelektual disiplin ilmu dalam kesusasteraan Melayu khususnya yang berlaku dalam tahun-tahun 80-an dan 90-an dari aspek kuantiti, kualiti, genre, tahap penggunaan teori serta pendekatan dan penglibatan tokoh-tokoh pengkritik dalam menghasilkan esei kritikan sepanjang kedua-dua dekad tersebut.

Kajian ini juga penting bagi membantu usaha pengkritik muda untuk meneliti serta menilai kelemahan dan kekuatan sesebuah kritikan melalui pengaplikasian pelbagai teori dan pendekatan sastera. Justeru,

secara tidak langsung dapat mengangkat bidang kritikan sastera sebagai satu disiplin dan cabang ilmu setanding dengan bidang lain dalam kesusasteraan Melayu yang telah berkembang maju. Melalui kajian ini juga penting untuk memperlihatkan kekuatan dan kelemahan penggunaan sesuatu teori atau pendekatan di kalangan tokoh pengkritik. Sekaligus, kajian ini dapat menentukan sama ada kemunculan teori dan pendekatan tempatan lebih bersistematik atau relevan berbanding dengan teori serta pendekatan yang sedia ada. Di samping itu, kajian ini juga dapat menentukan sama ada kemunculan teori-teori tempatan dapat menyelesaikan masalah ketidakwajaran penggunaan teori serta pendekatan dari Barat dalam usaha para sarjana mencari pendekatan yang sesuai dengan jati diri, adat resam, budaya, agama dan bangsa.

Hasil kajian ini juga, membolehkan semua pihak membuat penilaian terhadap keupayaan, pengaruh dan potensi masa depan teori-teori tempatan dalam usaha untuk membebaskan diri daripada cengkaman pengaruh teori-teori daripada Barat, yang sekian lama telah menunjangi dunia kesusasteraan Melayu. Tahap penggunaan dan penerimaan teori-teori ini, dapat menentukan dengan jelas, arah hala tuju kritikan sastera Melayu, sekaligus dapat menggambarkan pengaruhnya dalam kemajuan dan perkembangan kesusasteraan Melayu.

Selain itu, kajian ini dapat menambahkan lagi khazanah ilmu kesusasteraan khususnya dalam bidang kritikan. Tegasnya, pelbagai kepentingan dapat diperoleh daripada hasil kajian ini, khususnya bagi

mempertingkat dan memajukan bidang kritikan atau sekurang-kurangnya dapat menarik minat para sarjana membuat kajian dan penyelidikan terhadap bidang kritikan sebagaimana bidang-bidang lain yang sudah berkembang dalam kesusasteraan Melayu.

Batasan kajian

Kajian ini dibataskan kepada esei-esei kritikan sastera Melayu yang dihasil dan disiarkan oleh majalah *Dewan sastera* iaitu bermula dari bulan Januari 1980 sehingga bulan Disember 1999. Esei-esei kritikan yang dipilih daripada majalah ini akan merangkumi esei bercorak ulasan, kajian, sorotan resensi, pandangan dan tanggapan dalam empat genre sastera, iaitu novel, cerpen, puisi dan drama. Bagi esei kritikan drama, pengkaji hanya akan memberi tumpuan terhadap hasil kritikan yang berkaitan dengan teks atau skrip sahaja.

Pemilihan esei kritikan majalah *Dewan Sastera* amat relevan dengan kajian ini kerana majalah tersebut merupakan satu-satunya wadah penyiaran esei kritikan secara tetap dalam setiap keluarannya masa itu. Hal ini berkaitan dengan tujuan utama penerbitan majalah *Dewan Sastera* adalah untuk memartabatkan hasil-hasil sastera Melayu, sekaligus turut memberi ruang dan kesempatan kepada pengkritik mengasah bakat, malahan menjadi medan bagi mengutarakan wacana, pemikiran, pandangan dan pendapat mereka dalam bidang kritikan.